



22 Ogos 2013
22 August 2013
P.U. (A) 268

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PENEPIAN FI KEPADA PEMENANG PERTANDINGAN KEMAHIRAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA) 2013

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (WAIVER OF FEE TO WINNER OF NATIONAL OR INTERNATIONAL SKILLS COMPETITION) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PENEPIAN FI
KEPADA PEMENANG PERTANDINGAN KEMAHIRAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN
ATAU ANTARABANGSA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(d) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Penepian Fi kepada Pemenang Pertandingan Kemahiran di Peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa) 2013**.

Penepian fi

2. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), fi yang ditetapkan dalam butiran 3(a)(ii), (b)(ii) dan (c)(ii) Jadual kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2006 [*P.U. (A) 409/2006*] diketepikan berkenaan dengan seseorang yang memohon supaya kemenangannya dalam suatu pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan atau antarabangsa diberikan pengiktirafan pencapaian kemahiran terdahulu yang membawa kepada anugerah Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Penepian fi di bawah subperaturan (1) terpakai bagi pengiktirafan pencapaian kemahiran terdahulu berhubung dengan apa-apa kemenangan dalam pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah dan yang diadakan mulai 1 Januari 2011.

Pembayaran balik fi

3. (1) Pemenang yang disebut dalam peraturan 2 yang telah membayar fi yang ditetapkan dalam butiran 3(a)(ii), (b)(ii) atau (c)(ii) Jadual kepada Peraturan-Peraturan